

Skuad 3S tangani banjir kilat

Bertindak sebagai pasukan pertama yang tiba di tempat bencana alam

KLANG - Kadar hujan yang mendadak berikutan fenomena Astronomical Tide dijangka akan melanda kawasan di sini, bermula semalam hingga 18 Oktober ini.

Sinar Harian dimaklumkan, fenomena itu juga akan menyebabkan kejadian ribut dan berkemungkinan air sungai akan mencecah 5.6 meter serta menyebabkan banjir kilat di kawasan Klang.

Pemangku Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Mohd Ikhsan Mukri berkata, dalam menangani masalah banjir berikutan fenomena itu, pihaknya akan menggunakan pasukan *Smart Service Squad* (3S).

"Skuad ini berperanan membantu pihak berkuasa lain dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Alam Daerah Klang semasa berlakunya bencana alam di kawasan pentadbiran MPK.

"Skuad 3S ini terdiri daripada kakitangan MPK daripada beberapa jabatan yang diurus setia oleh Jabatan Korporat yang akan berperanan sebagai sebuah pasukan pertama bertindak pantas tiba ke tempat bencana alam.

"Skuad 3S ini akan membantu kerja pembersihan bangunan dan kawasan, membantu urusan pengurusan pusat pemindahan banjir, membantu urusan penyediaan makanan dan tugas yang difikirkan sesuai dengan kepakaran anggota 3S," katanya ketika menyampaikan taklimat persediaan banjir oleh MPK di hadapan ketua kampung, ketua komuniti, ahli majlis dan orang awam di Auditorium Raja Ismail, di sini.

Buat persiapan awal

BELIAU berkata, 3S sentiasa bersiap sedia, pantas, berkaliber dan prihatin dalam memastikan selain menguruskan bencana di daerah ini dalam keadaan yang cukup sempurna.

"Kita menerima maklumat awal daripada Jabatan Laut Malaysia yang meminta orang ra-



Penubuhan skuad 3S diharap dapat membantu mangsa banjir dengan segera di kawasan terlibat.



“Skuad 3S ini terdiri daripada kakitangan MPK daripada beberapa jabatan yang diurus setia oleh Jabatan Korporat yang akan berperanan sebagai sebuah pasukan pertama bertindak pantas tiba ke tempat bencana alam.”

Mohd Ikhsan

mai berwaspada menjelang fenomena itu. "Penduduk diingatkan untuk berjaga-jaga dan membuat persiapan awal dan pada masa sama memberi kerjasama kepada MPK dalam

menghadapi banjir kali ini," katanya. Menurutnya, penduduk disaran menjaga kebersihan termasuk penyelenggaraan longkang di halaman kediaman agar tidak tersumbat dengan sampah.


"Orang ramai diminta untuk segera menghubungi talian bebas tol 1-800-88-23626 atau 03-33716044 atau 4404 untuk sebarang kes kecemasan berkaitan fenomena itu nanti.

INFO

Kawasan risiko banjir di Klang

- Teluk Gadong-Taman Chi Liung dan sekitar
- Pelabuhan Klang- Jalan Tangki
- Teluk Gong
- Pulau Indah
- Johan Setia
- Jalan Kebun
- Meru-Jalan Hamzah Alang dan sekitar
- Sungai Rasau-Taman Rashna
- Taman Melawis
- Pandamaran
- Teluk Menegun
- Rantau Panjang-Jalan Bakti
- Sungai Kapar Besar

SISTEM OPERASI PENGURUSAN 3S



Bil	Tindakan PBT bagi menghadapi banjir
1	Mewujudkan jaringan kerjasama dengan jabatan/agensi teknikal yang lain seperti JPS, JKR, Pejabat Daerah dalam menangani masalah banjir.
2	Mengenalpasti kawasan iaitu parit atau longkang yang boleh menyebabkan banjir.
3	Melaksanakan kerja pembersihan dan penyelenggaraan parit dan longkang bagi melancarkan aliran air dengan tindakan seperti: ● Membuang kotoran dan longgokan sampah dalam parit ● Memotong rumput di sepanjang sistem perparitan yang menyekat laluan air ● Memperbaiki sistem perparitan atau longkang rosak ● Menaiktaraf parit berisipadu rendah
4	Sentiasa memantau kawasan berisiko banjir secara kerap
5	Memastikan kolam tadahan air atau pam air sentiasa dalam keadaan baik dan boleh berfungsi dengan sempurna.